

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 [ KHAMIS ]**

**SOALAN NO. 35**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keberkesanan dan statistik kempen Pemilikan Rumah 2019 (Home Ownership Campaign) yang dijalankan oleh Kementerian setakat bulan September 2019. Nyatakan jumlah pemaju-pemaju yang berdaftar dengan REHDA Malaysia untuk mengambil bahagian dalam kempen pemilikan rumah ini dan jumlah bayaran yang diterima oleh REHDA Malaysia untuk pendaftaran dan pensijilan pemaju-pemaju.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Belanjawan 2019 yang telah dibentang pada 2 November 2018 menggariskan penganjuran Kempen Pemilikan Rumah Kebangsaan sebagai antara usaha Kerajaan untuk mengurangkan isu hartanah khususnya berkaitan rumah yang belum terjual.
2. Pemaju-pemaju yang menyertai kempen tersebut telah dikenakan bayaran oleh pihak REHDA untuk urusan pendaftaran dan persijilan. Bayaran pendaftaran yang dikenakan adalah RM2,000 bagi setiap

projek. Sehingga kini, sebanyak 898 projek terlibat dan diuruskan oleh REHDA Malaysia (ibu pejabat). Kutipan yang diperolehi sehingga September 2019 adalah berjumlah RM1.79 juta. Manakala bayaran persijilan dikenakan sebanyak RM100 hingga RM200 bagi setiap unit dan diuruskan oleh cawangan REHDA di seluruh Semenanjung Malaysia (11 cawangan).

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara kerja-kerja berkos tinggi yang perlu ditanggung oleh pihak REHDA dalam proses pendaftaran dan pensijilan termasuklah:

- i. Membangunkan aplikasi sistem pendaftaran dalam talian; dan
- ii. Bayaran atau kos kakitangan tetap (13 orang) dan kontrak (18 orang).

4. Kakitangan tetap dan kontrak berkenaan diperlukan bagi melaksanakan tanggungjawab seperti berikut:

- i. kerja-kerja menyemak setiap permohonan pendaftaran/pensijilan bagi setiap projek yang berdaftar;
- ii. Menganalisis ketepatan data berhubung jumlah unit, jenis kediaman, lot no., no. mukim, harga jualan sebelum dan selepas diskaun; dan
- iii. Pengesahan Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC), diskaun minimum 10% telah diberikan, tarikh Perjanjian Jual Beli (SPA) dalam jangka masa yang ditetapkan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.